

**GARIS PANDUAN
PENARAFAN BINTANG KEAKTIFAN BADAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

1. PENGENALAN

Penarafan bintang keaktifan badan pelajar ialah suatu proses menentukan keaktifan sesebuah badan pelajar berdaftar di USIM.

2. OBJEKTIF

Objektif pelaksanaannya di USIM adalah bertujuan untuk:

- 2.1 menjadikan badan pelajar USIM lebih proaktif.
- 2.2 menggalakkan persaingan sihat antara badan pelajar USIM.
- 2.3 menggalakkan pelaksanaan program kebangsaan serta antarabangsa.
- 2.4 menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam badan pelajar.
- 2.5 memberikan banyak pilihan kepada pelajar untuk menyertai badan pelajar.

3. KRITERIA DAN RUBRIK PENILAIAN






- 3.1 Semua badan pelajar yang berdaftar di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM adalah layak untuk dinilai bagi penarafan bintang keaktifan.
- 3.2 Penarafan bintang keaktifan badan pelajar memfokuskan kepada tiga (3) elemen utama model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) iaitu Holistik, Berkeusahawanan dan Seimbang.
- 3.3 Fokus utama penarafan bintang keaktifan badan pelajar USIM adalah kepada Penganjuran program SAHAJA. Penyertaan program jemputan dari pihak luar serta jemputan pertandingan di luar adalah TIDAK diambil kira.
- 3.4 Kriteria dan rubrik penilaian adalah seperti berikut:

KRITERIA PENILAIAN	PERINCIAN	PEMBERAT	MARKAH MAKSIMUM	ELEMEN GIINA
PENGANJURAN				HOLISTIK
Penyertaan	1 orang \leq U < 300 orang	0	5	
	300 orang \leq U < 500 orang	3		
	500 \geq U	5		
Penyertaan	Peserta Antarabangsa	5	5	
Peringkat	Universiti	5	5	
	Kebangsaan	10	10	
PROGRAM PENGANTARABANGSAAN				SEIMBANG
(Inbound/ Outbound)	1 Kali	5	15	
	2 Kali	10		
	\geq 3 Kali	15		
PENJANAAN KEWANGAN				KEUSAHAWANAN
Jumlah Penajaan	U < RM10,000	5	10	
	U \geq RM10,000	10		

3.5 Pemberat dan markah sebenar adalah:

KRITERIA	PEMBERAT	MARKAH SEBENAR
Penganjuran	25%	50%
Pengantarabangsaan	15%	30%
Penjanaan Kewangan	10%	20%
JUMLAH	50%	100%

3.6 Penarafan bintang keaktifan badan pelajar adalah daripada 1 ke 5 bintang iaitu:

PENARAFAN	TIDAK AKTIF	KURANG AKTIF	SEDERHANA AKTIF	AKTIF	SANGAT AKTIF
Bintang					
Pemberat (%)	0 – 20	21 – 40	41 – 60	61 – 80	81 – 100

4. KAEDAH PENILAIAN

- 4.1 Badan pelajar perlu menganjurkan dan melaksanakan setiap aktiviti yang dirancang.
- 4.2 Badan pelajar yang berdaftar di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar perlu menghantar laporan program setiap kali selepas program dilaksanakan kepada Pusat Tanggungjawab masing-masing.
- 4.3 Badan pelajar perlu menghantar ringkasan laporan tahunan mengikut sesi akademik bagi tujuan penilaian kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebagaimana di **Lampiran A**.
- 4.4 Tempoh penilaian adalah daripada September tahun sebelum sehingga Ogos tahun berikutnya.
- 4.5 Panel penilai **saringan awal** yang terlibat adalah seperti berikut:
 - 4.5.1 Pengerusi – Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar
 - 4.5.2 Setiausaha – Penolong Pendaftar Kanan, Unit Kepimpinan dan Kesukarelawanan
 - 4.5.3 Ahli – Semua pegawai BHEP dan mana-mana pegawai PTJ yang dilantik
 - 4.5.4 Urus setia – Unit Kepimpinan dan Kesukarelawanan
- 4.6 Bagi penentuan pemenang insentif bintang keaktifan badan pelajar yang mempunyai markah keseluruhan tertinggi yang sama, penentuan tiga (3) pemenang terbaik adalah berdasarkan kepada:
 - 4.6.1 Penajaan Tertinggi
 - 4.6.2 Pengiktirafan/ Penghargaan
 - 4.6.3 Kolaborasi Organisasi
 - 4.6.4 Laporan program
- 4.7 Senarai badan pelajar yang disenarai pendek akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Aktiviti Pembangunan Pelajar yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) untuk perakuan dan kelulusan.
- 4.8 Carta alir proses penarafan bintang keaktifan badan pelajar adalah seperti **Lampiran B**.

5. INSENTIF

- 5.1 Mana-mana badan pelajar yang mendapat penarafan 1 bintang keaktifan selama 2 kali (2 tahun berturut-turut) boleh dipertimbang untuk dibubarkan.
- 5.2 Insentif sebanyak RM5,000 bersama sijil pengiktirafan akan diberikan kepada tiga (3) badan pelajar terbaik yang memperolehi penarafan 5 bintang keaktifan. Insentif ini akan diumumkan serta diberikan semasa penganjuran Anugerah Kecemerlangan Siswa (AKSIS) USIM.

6. TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 13 Ogos 2020 berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 27/2020 yang bersidang pada 13 Ogos 2020.

7. PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Kepimpinan dan Kesukarelawanan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Tel : 06-798 6159/6163/6101

Faks : 06-798 6154

Emel : hazrul@usim.edu.my, ishah@usim.edu.my



CONTOH

RINGKASAN TAHUNAN PROGRAM SESI AKADEMIK:

BADAN PELAJAR:

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	PESERTA TEMPATAN	PESERTA ANTARABANGSA	JUMLAH PESERTA	JUMLAH BAJET PTJ YANG DILULUSKAN (RM)	PENJANAAN / YURAN KOMITMEN (RM)	PENAJAAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERINGKAT	TARIKH PENGHANTARAN LAPORAN AKTIVITI
1	Annual Grand Meeting	17-Sep-18	45	8	53	450	TIADA	TIADA	450	Universiti / Kebangsaan / Antarabangsa	29-Sep-18
2	GISO CHINA	12 - 19 Nov-2018	13	0	13	4,000	34,500 / 6,500	5,000	50,000	Universiti / Kebangsaan / Antarabangsa	20-Dec-18
3	Seminar Pemeriksaan Sukarelawan	2 - 4 Apr-2019	84	7	91	8,500	16,000	12,000	36,500	Universiti / Kebangsaan / Antarabangsa	4-May-19
		JUMLAH	142	15	157	12,950	57,000	17,000	86,950	Universiti (1) Kebangsaan (1) Antarabangsa (1)	

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Nama Setiausaha:

Nama Penasihat:

Badan Pelajar:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

**CARTA ALIR
PENARAFAN BINTANG KEAKTIFAN BADAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

PERANAN	CARTA ALIR	PERINCIAN
<p>PT(P/O)</p> <p>PT(P/O)/ PPK</p> <p>PP/ PPK/ KBHEP</p> <p>PPK/ KBHEP/ TDHEPA/ TNCHEPA</p> <p>Badan Pelajar / PT(P/O)/ PPK</p>	<pre> graph TD Mula([Mula]) --> P1[] P1 --> P2[] P2 -- Ya --> D1{ } D1 -- Tidak --> P1 D1 -- Ya --> D2{ } D2 -- Tidak --> P1 D2 -- Ya --> P3[] P3 --> Tamat([Tamat]) </pre>	<p>Badan Pelajar menghantar ringkasan tahunan program kepada BHEP.</p> <p>Penyediaan dokumen oleh Urus setia (Unit Kepimpinan dan Kesukarelawanan).</p> <p>Penilaian saringan awal oleh Panel.</p> <p>Kelulusan dan Perakuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Aktiviti Pembangunan Pelajar.</p> <p>Badan Pelajar menerima insentif.</p>